



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)

Tingkat 5, Menara I&P 1,  
No. 46 Jalan Dungun, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2095 3030 / 2081 3000  
F +603 2095 2121  
www.mymrt.com.my



# SIARAN MEDIA

## MRT 3 LALUAN LINGKARAN MULA BEROPERASI MULAI 2030

**Kuala Lumpur, 15 Mac 2022:** Projek Mass Rapid Transit 3 (MRT 3) Laluan Lingkaran telah diluluskan oleh Kerajaan dan Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) telah dilantik sebagai pemaju projek dan pemilik aset.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong berkata: "Tender akan dibahagikan kepada lima (5) pakej utama, dan akan bermula pada Mei 2022. Lima pakej utama adalah untuk dua (2) kontraktor *turnkey* untuk kerja-kerja bertingkat, satu (1) kontraktor *turnkey* untuk kerja-kerja bawah tanah, satu (1) untuk sistem rel bersepadu, dan satu (1) perunding pengurusan projek untuk bekerja bersama MRT Corp yang merupakan pemaju projek.

"Kerajaan akan membiayai projek tersebut manakala sektor swasta akan membiayai beberapa kos pendahuluan. Butiran skim pembiayaan adalah berbeza di antara satu pakej dengan pakej yang lain."

Tambah beliau: "Projek ini adalah laluan terakhir yang amat penting untuk melengkapkan rangkaian rel bandaraya Kuala Lumpur. Sistem rel transit yang lengkap akan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Laluan Lingkaran ini akan disambungkan dengan jajaran MRT, LRT, KTM dan Monorel sedia ada melalui 10 stesen pertukaran. Salah satu pertukaran utama ialah Titiwangsa, yang akan menjadi hab pelbagai mod yang mengintegrasikan 4 laluan rel dan hab bas bandar.

Rangkaian transit yang lengkap akan membolehkan Kerajaan memperkenalkan lebih banyak langkah seperti fi kenderaan dan alam sekitar untuk mengurangkan kesesakan dan mengurangkan jejak karbon

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Mohd Zarif Hashim berkata: "Ini adalah hasil daripada pelbagai kajian dan perbincangan sepanjang tahun lalu berikutan kelulusan daripada Kerajaan untuk MRT Corp menjalankan kajian teknikal pada April tahun lepas."

Beliau menambah: "Tahun lepas, kami telah berkongsi beberapa pandangan tentang bagaimana MRT3 akan direka bentuk. Pendekatan kami kini adalah holistik dan konsisten dengan prinsip reka bentuk tersebut; penjajaran yang memberikan pelbagai faedah, penjanaan nilai tinggi untuk ekonomi, penggunaan kos dan mekanisme pembiayaan yang optimum, dan memacu nilai sisa (*residual value*) yang berpanjangan.



**Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd** (902884V)

Tingkat 5, Menara I&P 1,  
No. 46 Jalan Dungun, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2095 3030 / 2081 3000  
F +603 2095 2121  
www.mymrt.com.my



Diterajui oleh prinsip-prinsip reka bentuk tersebut, penjajaran MRT3 akan merangkumi kesalinghubungan ke kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan di bandar, dan pembinaan sebuah hab transit pelbagai mod. Melalui pelaksanaannya, projek ini bakal meningkatkan keupayaan syarikat dan bakat di Malaysia untuk bersaing di luar negara. Setelah projek dimulakan kelak, kami akan memberi beberapa taklimat untuk berkongsi butiran lanjut mengenai pelan tindakan MRT3.”

Jajaran MRT 3 Laluan Lingkaran akan bakal melingkari pinggiran bandaraya Kuala Lumpur dan mempunyai jajaran sepanjang 51km.

Jajaran yang dicadangkan itu terdiri daripada laluan bertingkat sepanjang 40km dan terowong bawah tanah sepanjang 11km. Ia akan mempunyai 31 stesen, di mana 10 daripadanya akan menjadi stesen pertukaran dengan lapan laluan rel sedia ada di Lembah Klang.

Tambahnya, Fasa 1 MRT 3 Laluan Lingkaran ini akan beroperasi pada tahun 2028, dengan operasi penuh menjelang tahun 2030. Sebagai panduan, kos pembinaan MRT 3 Laluan Lingkaran ini dianggarkan sama dengan Laluan MRT Putrajaya sekitar RM31 bilion. Menurut Mohd Zarif, kos pembinaan sebenar akan dapat diketahui selepas tender terbuka selesai.

-tamat/-

***Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:***

***Mr Leong Shen-Li***  
*MRT Corp*

***+6012-319 6602 / leong.shen-li@mymrt.com.my***

***Ms Amalina Ghazali***  
*MRT Corp*

***+6016-215 4055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my***